


**CARTA ALIRAN PROSEDUR  
PENYATUAN TANAH**



**SEBARANG PERTANYAAN,  
SILA HUBUNGI :**

**PN. NUR AFIZAH BT AHMAD**  
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2470

**PN. FARAH AINI BT  
HOSNI HUSSEN**  
Penolong Pegawai Daerah  
(Pembangunan Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2473

**PN. JULIANI BT SERI**  
Ketua Pembantu Tadbir  
(Pembangunan Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2545

**PN. NASIAH BT  
MOHD BASIRON**  
Pembantu Tadbir  
(Pembangunan Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2459

**PANDUAN PERMOHONAN  
PENYATUAN TANAH  
(SEKSYEN 146 HINGGA  
150 KANUN TANAH  
NEGARA 1965)**



**PEJABAT DAERAH / TANAH  
KUALA LANGAT**

Diterbitkan Oleh :

**PEJABAT DAERAH/TANAH,  
KUALA LANGAT  
KOTA SERI LANGAT,  
42700 BANTING  
SELANGOR DARUL EHSAN.**

TEL : 03-31822555  
FAX : 03-31879004  
EMAIL : [klangat@selangor.gov.my](mailto:klangat@selangor.gov.my)

## **PENYATUAN TANAH**

Penyatuan tanah bermaksud dua lot tanah milik berdampingan atau lebih yang dipegang di bawah hakmilik berasingan adalah dicantumkan menjadi satu lot dan dipegang dibawah satu hakmilik dengan syarat lot-lot tersebut terletak di Mukim, di Bandar atau di Pekan yang sama.

### **BAGAIMANA MEMOHON**

- a) Dibuat melalui Pentadbir Tanah ;
- b) Dibuat oleh pemilik tanah sendiri;
- c) Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen yang berkaitan.

### **CARA MEMOHON**

- (i) BORANG 9C ( 3 Salinan )
- (ii) 15 pelan pra-hitungan yang mengandungi pelan kunci, pelan lokasi serta pelan tapak yang disediakan dan ditandatangani oleh Jurukur Berlesen
- (iii) Carian Rasmi Asal
- (iv) Salinan Hakmilik
- (v) Salinan Cukai Semasa

- (vi) Surat kelulusan pelan cantuman dari pihak PBT
- (vii) Surat kebenaran daripada Pemegang Gadaian ( sekiranya ada gadaian dengan mana-mana pihak )
- (viii) Surat Kuasa Wakil (P.A) didaftarkan di Mahkamah Tinggi dan Pejabat Tanah – sekiranya permohonan dibuat oleh wakil pemilik tanah.
- (ix) 1 salinan MAA, Borang 24 dan 49 terkini (sekiranya permohonan dibuat oleh syarikat)

### **BAYARAN PERMOHONAN YANG DIKENAKAN**

RM150.00 bagi setiap hakmilik

( Bayaran mengikut Kaedah Tanah Selangor )

### **KUASA MELULUSKAN**

1. Menteri Besar Selangor bagi tanah – tanah berikut :
  - a) Lot-lot yang disatukan dipegang di bawah hakmilik Pejabat Tanah – keluasan jika disatukan melebihi 4 hektar (10 ekar )

- b) Lot yang dipegang sebahagiannya di bawah hakmilik Pejabat Tanah dan sebahagiannya lagi di bawah hakmilik Pejabat Pendaftar Hakmilik Negeri.

- c) Jika wujud apa-apa perbezaan di antara mana-mana lot tersebut dari segi berikut :-

- (i) Tempoh-tempoh yang dipegang.
- (ii) Kadar cukai sewa yang kena dibayar.
- (iii) Jenis penggunaan tanah, syarat dan sekatan kepentingan yang ianya tertakluk.

2. Pengarah Tanah dan Galian bagi tanah yang kurang 10 ekar – bagi hakmilik Pejabat Pendaftar Hakmilik Negeri
3. Pentadbir Tanah Daerah bagi tanah yang kurang 10 ekar – bagi hakmilik Pejabat Tanah.